

11/02/1998

13 anggota penasihat MSC hadir mesyuarat

TIGA belas anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengesahkan penyertaan mereka dalam mesyuarat kedua panel itu di Cyberjaya, dekat Kuala Lumpur, esok dan lusa.

Mereka adalah pengerusi dan ketua pegawai eksekutif (CEO) Acer Incorporated Dr Stan Shih, pengerusi merangkap CEO Alcatel Alsthom Serge Tchuruk, penasihat kanan bagi Pusat Kajian Antarabangsa dan Strategik di Washington Duta Diana Lady Dougan, pengerusi dan CEO EDS Corporation Lester M Alberthal Jr, Presiden dan CEO Ericsson Dr Lars Ramqvist dan ketua pegawai operasi Lucent Technologies Ben Verwaayan.

Peserta lain adalah pengerusi dan CEO Madge Networks Robert Madge, pengerusi Motorola Inc Gary Tooker, pengerusi NEC Dr Tadahiro Sekimoto, pengarah urusan Ohmae and Associates Dr Kenichi Ohmae, pengerusi Silicon Graphics Bob Bishop, profesor pengurusan awam dan swasta Stanford University Prof. William Miller dan bekas CEO Nets Inc yang kini pelabur persendirian dalam teknologi multimedia Jim Manzi.

Berdasarkan kepada senarai terbaru pengesahan status senarai anggota IAP seperti yang dikeluarkan oleh Multimedia Development Corporation (MDC) semalam, 31 anggota panel tidak akan menghadiri mesyuarat itu dengan 12 daripada mereka diwakili oleh pemerhati.

Mereka termasuklah Dr John Cage yang akan mewakili Dr Scott McNealy daripada Sun Microsystems, Masanabu Suzuki mewakili Jun-Ichiro Miyazu daripada NTT, Dr Mikko Kosonen mewakili Jorma Ollila daripada Nokia Corp, George Samenuk mewakili Louis Gerstner Jr daripada IBM dan Derek Williams mewakili Larry Ellison daripada Oracle.

Ketua Eksekutif Microsoft, Bill Gates dan presiden Sony Corporation Nobuyuki Idei tidak akan menghadiri mesyuarat IAP itu, yang disertai oleh peneraju dan pakar industri multimedia, yang akan menasihatkan kerajaan mengenai pembangunan MSC.

Mesyuarat sulung panel itu diadakan di Stanford, Amerika Syarikat pada awal lalu selepas pelancaran MSC.

Perbincangan dan cadangan mereka dalam mesyuarat itu akan digunakan untuk membantu merangka strategi bagi pembangunan selanjutnya MSC.

Perkara utama di dalam agenda itu adalah laporan terkini mengenai kemajuan MSC kepada anggota sejak pertemuan terakhir mereka dulu.

Mereka juga akan dibawa menaiki helikopter untuk melihat pemandangan dari udara kawasan MSC, 15 kali 50 kilometer persegi di antara Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

(END)